



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
&
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU TAHUN 2025

Edisi: 22 Mei 2025

ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN
UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU TAHUN 2025

Bil	Kandungan	Halaman
1	Sasaran guru yang perlu menduduki ujian	1
2	Komponen ujian	1
3	Bayaran untuk menduduki ujian	1
4	Kalendar ujian	1
5	Pendaftaran	2
6	Calon Berkeperluan Khas (CBK)	2
7	Penyata Pendaftaran Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG/PP)	2
8	Angka giliran calon dan pusat ujian	3
9	Slip Daftar Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG/D)	3
10	Pembetulan maklumat calon	3
11	Perpindahan pusat ujian/Menumpang pusat ujian	4
12	Penarikan diri dan penangguhan daripada menduduki ujian	4
13	Keputusan ujian	7

1 SASARAN GURU YANG PERLU MENDUDUKI UJIAN

Guru-guru bahasa Melayu yang sedang mengajar bahasa Melayu di sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan, sekolah menengah jenis kebangsaan, dan sekolah agama bantuan kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Sila rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) yang berikut:

- (a) Rujukan, bil. KPM.500-8/3/17 Jld. 3(4) bertarikh 21 Julai 2022 tentang **PELAKSANAAN UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG) DI BAWAH INISIATIF #108 PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU TAHUN 2022 – 2025.**
- (b) Rujukan, bil. KPM.600-7/5/1 Jld. bertarikh 30 April 2025 tentang **PELAKSANAAN UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG) DI BAWAH INISIATIF #108 PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU TAHUN 2025.**

Senarai nama guru yang terpilih untuk menduduki UPBMG pada tahun 2025 boleh disemak dalam sistem pendaftaran UPBMG melalui pautan <http://apps.mpm.edu.my/upbmg/public/register>, manakala maklumat lanjut UPBMG terdapat pada Laman MANTAP BM di pautan <http://sites.google.com/moe-dl.edu.my/upbmg/utama> dan portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di pautan <http://www.mpm.edu.my/>.

2 KOMPONEN UJIAN

Kertas yang ditawarkan meliputi **empat komponen** seperti yang berikut:

Kod Kertas	Nama Kertas	Pemberat	Tempoh Menjawab
300/1	Bertutur	25%	30 minit
300/2	Membaca	25%	60 minit
300/3	Menulis	25%	90 minit
300/4	Mendengar	25%	30 minit

* Maklumat lanjut, sila rujuk spesifikasi dan format ujian di portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di pautan <http://www.mpm.edu.my>.

3 BAYARAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN

Percuma dan ditanggung sepenuhnya oleh KPM.

4 KALENDAR UJIAN

[Kalender Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru Tahun 2025](http://www.mpm.edu.my) boleh dirujuk di portal MPM <http://www.mpm.edu.my> bagi mengetahui tarikh pendaftaran dan tarikh ujian.

5 PENDAFTARAN

- (a) Pendaftaran dibuat secara dalam talian melalui portal MPM di <http://apps.mpm.edu.my/upbmg/public/register>.
- (b) Calon boleh memilih pusat ujian yang dikehendaki semasa membuat pendaftaran tetapi **ketetapan pusat ujian adalah tertakluk kepada Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri (SPP, JPN)**. SPP, JPN berhak untuk menutup pusat ujian sedia ada dan memindahkan calon ke pusat lain jika bilangan calon tidak mencukupi. Pusat sebenar calon akan dimaklumkan di dalam **Slip Daftar Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG/D)**.

6 CALON BERKEPERLUAN KHAS (CBK)

- (a) Calon Berkeperluan Khas (CBK) dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan ke MPM (u.p **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi**) dan SPP, JPN **selewat-lewatnya tiga hari** selepas pendaftaran ditutup.
- (b) Calon CBK Kategori Penglihatan (rabun) ialah calon yang mempunyai masalah dalam penglihatan yang disahkan oleh doktor perubatan dan **bukannya calon yang memakai cermin mata** dengan kadar rabun atau penglihatan terhad yang biasa.
- (c) Maklumat tentang ketidakupayaan dan kemudahan yang dipohon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam **Borang Maklumat Calon Cacat Penglihatan (Buta)**, iaitu **UPBMG/C5** atau **Borang Maklumat Calon Istimewa**, iaitu **UPBMG/C6** (mana-mana yang berkenaan mengikut jenis ketidakupayaan calon). Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan Pengetua/Guru Besar. **Kemudahan yang boleh diberikan kepada CBK hanya akan dipertimbang jika borang UPBMG/C5 atau UPBMG/C6 (mana-mana yang berkenaan) diterima oleh MPM.**

Untuk mendapatkan borang tersebut, sila klik <http://www.mpm.edu.my/upbmg/borang>.

7 PENYATA PENDAFTARAN UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG/PP)

- (a) Butiran pendaftaran awal calon boleh disemak melalui **Penyata Pendaftaran Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG/PP)**. Calon hendaklah **mencetak/menyimpan UPBMG/PP dalam format pdf** sebagai bukti pendaftaran telah berjaya. **Pendaftaran masih belum lengkap/tidak berjaya sekiranya UPBMG/PP gagal dicetak/disimpan**. Pusat ujian yang dinyatakan dalam UPBMG/PP **mungkin akan berubah pada UPBMG/D**.

- (b) Sekiranya calon mendapati terdapat kesilapan maklumat selepas mencetak UPBMG/PP, calon perlu memohon pembetulan butiran pendaftaran dengan menghantar **Borang Pembetulan Maklumat Calon (UPBMG/C9)** ke MPM (u.p **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi**) atau melalui e-mel upbmg@mpm.edu.my dengan menyertakan bersama salinan kad pengenalan dan UPBMG/PP yang silap tersebut tanpa dikenakan bayaran. Pindaan maklumat ini akan dibuat pada Slip Daftar Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG/D) kelak.

8 ANGKA GILIRAN CALON DAN PUSAT UJIAN

- (a) Angka giliran calon akan ditetapkan oleh MPM. Angka giliran calon ini akan diberitahu melalui slip daftar UPBMG/D.
- (b) Penempatan calon di sesebuah pusat ujian adalah tertakluk kepada kelulusan SPP, JPN. **SPP, JPN berhak untuk memindahkan calon ke pusat lain daripada pusat yang telah dipilih oleh calon.**

9 SLIP DAFTAR UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG/D)

- (a) Pengesahan butiran pendaftaran calon untuk menduduki UPBMG akan dimaklumkan kepada calon dalam slip UPBMG/D melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> **mulai 24 September 2025**. Jika maklumat calon tiada dalam semakan UPBMG/D, sila hubungi **Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi, MPM** melalui talian 03-6126 1634/1745 atau e-mel ke upbmg@mpm.edu.my dengan kadar **SEGERA**.
- (b) Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada UPBMG/D seperti nombor kad pengenalan, ejaan nama, angka giliran, pusat untuk menduduki ujian, tarikh, dan waktu ujian.
- (c) Calon perlu **menyemak dan mencetak UPBMG/D sendiri** dan **membawanya ke pusat ujian** pada hari ujian sebagai tiket untuk menduduki ujian.

10 PEMBETULAN MAKLUMAT CALON

- (a) Calon hendaklah menyemak maklumat pendaftaran pada UPBMG/PP yang boleh dicetak dan disimpan dalam format pdf sebaik sahaja melengkapkan pendaftaran dalam talian bagi memastikan semua maklumat adalah betul.
- (b) Sekiranya terdapat maklumat yang silap, calon hendaklah **melengkapkan Borang Pembetulan Maklumat Calon (UPBMG/C9)** dan menghantarnya dengan kadar segera ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi**). Permohonan pembetulan maklumat yang diterima dalam tempoh dua minggu selepas UPBMG/D dimuat naik **tidak dikenakan bayaran**.

Untuk mendapatkan borang **UPBMG/C9**, sila klik <http://www.mpm.edu.my/upbmg/borang> .

- (c) Borang UPBMG/C9 yang diterima di MPM **selepas dua minggu UPBMG/D dimuat naik** di portal MPM akan dikenakan bayaran **RM45.00**. Bayaran hendaklah dibuat secara perbankan Internet yang akan dimaklumkan melalui emel. Calon akan mendapat UPBMG/D baharu dengan maklumat yang dipinda.

UPBMG/D dengan maklumat yang silap masih sah digunakan untuk menduduki UPBMG dan hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengawas untuk dicatatkan dalam Buku Rekod Pengawasan (BRP).

Pembetulan selepas UPBMG/D dimuat naik hanya akan dibuat pada maklumat keputusan yang akan dikeluarkan kelak.

- (d) Calon hendaklah menggunakan nombor kad pengenalan yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan pengawas ujian dan akan menyusahkan calon sendiri.

11 PERPINDAHAN PUSAT UJIAN/MENUMPANG PUSAT UJIAN

- (a) Permohonan perpindahan/menumpang pusat ujian yang lain hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Perpindahan Pusat Ujian (UPBMG/C2)**. Permohonan hendaklah dihantar ke SPP, JPN dan salinan kepada **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi, MPM**. Permohonan untuk berpindah/menumpang pusat ujian dalam daerah yang sama **tidak** dibenarkan.

Untuk mendapatkan borang **UPBMG/C2**, sila klik <http://www.mpm.edu.my/upbmgborang>.

- (b) Permohonan perpindahan/menumpang pusat ujian atas alasan **arahan daripada Ketua Jabatan dan urusan rasmi kerajaan akan dikecualikan bayaran**. Bagi permohonan atas **sebab-sebab selain daripada urusan rasmi kerajaan**, calon akan dikenakan bayaran sebanyak **RM45.00** dan bayaran hendaklah dibuat secara perbankan Internet yang akan dimaklumkan melalui emel. Permohonan perpindahan/menumpang pusat ini mestilah disertakan bersama-sama dengan **bukti sokongan** untuk dipertimbangkan.
- (c) **Permohonan calon hanya akan dipertimbangkan jika kertas soalan di pusat berkenaan mencukupi.**
- (d) Tarikh tutup permohonan perpindahan/menumpang pusat UPBMG ialah **tiga minggu sebelum tarikh ujian.**
- (e) Calon perlu menyemak, mencetak, dan membawa surat kelulusan perpindahan/menumpang pusat ujian pada hari ujian kelak. Surat tersebut akan die-melkan ke alamat e-mel calon dan pihak MPM **tidak akan mengubah UPBMG/D yang sedia ada di portal mengikut pusat ujian tumpang yang baharu tersebut**. Sila guna UPBMG/D sedia ada ini untuk tujuan menumpang pusat.

12 PENARIKAN DIRI DAN PENANGGUHAN DARIPADA MENDUDUKI UJIAN

- (a) Secara umumnya, calon **tidak dibenarkan untuk menarik diri** daripada ujian selepas membuat pendaftaran (rujuk perenggan 7 dalam surat edaran **Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia No. Ruj. KPM.500-8/3/17(95)** yang bertarikh 22 Disember 2021).

- (b) Secara umumnya, calon **tidak dibenarkan untuk menarik diri** daripada ujian selepas membuat pendaftaran (rujuk perenggan 7 dalam surat edaran **Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia No. Ruj. KPM.500-8/3/17(95)** yang bertarikh **22 Disember 2021**).
- (c) Penarikan diri dan penangguhan daripada menduduki ujian perlulah mendapat kelulusan daripada KPM. Sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, sila hubungi pegawai di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan pegawai Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) yang berikut:

i) Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

<i>Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)</i>		
<i>Bil.</i>	<i>Nama Pegawai</i>	<i>E-mel/Telefon</i>
1.	YBrs. Dr Zanariah binti Ibrahim	Emel: upbmg@ipgm.edu.my Telefon: 03-83126741
2.	YBrs. Dr. Wan Norlidza binti Wan Mohd Zain	E-mel: upbmg@ipgm.edu.my Telefon: 03-22814404
3.	Ybrs. Dr. Bushra Limuna binti Ismail	Emel: upbmg@ipgm.edu.my Telefon: 03-83126824

ii) Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)

<i>Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)</i>			
<i>Bil.</i>	<i>Negeri</i>	<i>Nama Pegawai</i>	<i>E-mel/Telefon</i>
1.	Perlis	Puan Afida binti Abd Rahim	Emel: afida.rahim@moe.gov.my Telefon: 04-9767410
2.	Kedah	Puan Suzaina binti Che Nat	Emel: suzaina@moe.gov.my Telefon: 04-7404000
3.	Pulau Pinang	Tuan Haji Nazuardi bin Abd Rahman	Emel: nazuardi.rahman@moe.gov.my Telefon: 04-5675500
4.	Perak	Puan Nurmazura binti Mohamad Yunus	Emel: nurmazura.yunus@moe.gov.my Telefon: 05-2922745
5.	Selangor	Puan Norlailahusna binti Razali	Emel: lailahusna@moe.gov.my Telefon: 03-55186327

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)			
<i>Bil.</i>	<i>Negeri</i>	<i>Nama Pegawai</i>	<i>E-mel/Telefon</i>
6.	Negeri Sembilan	Puan Rafiza binti Ramli	Emel: rafiza.ramli@moe.gov.my Telefon: 06-7653197
7.	Melaka	Encik Helmi bin Murid	Emel: helmi.m@moe.gov.my Telefon: 06-2328012
8.	Johor	Encik Izi Nasuriddin bin Nasbi	Emel: nasuriddin.nasbi@moe.gov.my Telefon: 07-2310000
9.	Pahang	Tuan Haji Shamdzul bin Ahmad	Emel: shamdzul@moe.gov.my Telefon: 09-5715781
10.	Terengganu	Encik Mat Yusof bin Mat Ali	Emel: yusof.ali@moe.gov.my Telefon: 09-6213314
11.	Kelantan	Puan Azuraihan binti Abdullah	Emel: azuraihan@moe.gov.my Telefon: 09-7418447
12.	Sabah	Dr. Dewi Isma binti Madzlan	Emel: dewiisma.madzlan@moe.gov.my Telefon: 088-537010 samb: 7267/7218
13.	Sarawak	En. Nurul Hafis bin Mohamed@Mohammad	Emel: hafis.m@moe.gov.my Telefon: 082-473585
14.	W.P Labuan	Encik Joe Hellmy bin Jumat	Emel: joehellmy@moe.gov.my Telefon: 087-468624
15.	W.P Kuala Lumpur	Puan Syarifah Aini binti Yaacob	Emel: syarifah.yaacob@moe.gov.my Telefon: 362046000
16.	W.P Putrajaya	Encik Muhammad Aris bin Shuib	Emel: aris.shuib@moe.gov.my Telefon: 03-88890000

- (d) Keputusan yang diperoleh hendaklah dikemukakan kepada **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi**, MPM berserta bukti kelulusan KPM selewat-lewatnya **sebulan** sebelum ujian.

13 KEPUTUSAN UJIAN

- (a) Keputusan UPBMG akan diumumkan di portal MPM.
- (b) Calon juga boleh mencetak sijil UPBMG daripada portal MPM.

**Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi
Majlis Peperiksaan Malaysia
23 Mei 2025**